

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH : RABU, 18 MEI 2016
RUJUKAN : L2 [PR-1342-L74342]
SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan program rumah mampu milik dalam Parlimen Bukit Bintang sepanjang 3 tahun lalu dari segi lokasi, bilangan unit dibina dan dijual serta harganya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, antara faktor utama dalam kita melaksanakan rumah mampu milik adalah mendapatkan tanah pada harga yang berpatutan dan berdaya maju untuk dibangunkan. Dalam hal ini, kawasan Parlimen Bukit Bintang adalah merupakan kawasan utama atau '*prime areas*' di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana sumber tanah pada kos yang rendah bagi membolehkan pelaksanaan rumah mampu milik yang lebih berdaya maju sukar diperolehi.

Setakat ini, pelaksanaan rumah mampu milik di Parlimen Bukit Bintang hanya melibatkan pembangunan semula perumahan Razak Mansion di Jalan Sungai Besi yang sekarang ini sedang di peringkat pembinaan. Projek ini melibatkan sejumlah 658 unit yang ditawarkan sebagai unit gantian penempatan semula penduduk Perumahan Awam Razak Mansion (Razak Mansion) di mana Majlis Pecah Tanah telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 20 April 2014.

Unit baru Perumahan Razak Mansion yang ditawarkan adalah berkeluasan 800 kaki persegi dengan 3 bilik tidur dan 2 bilik air berbanding 504 kaki persegi bagi unit sedia ada. Anggaran harga jika dibuka kepada penjualan adalah RM290,000 di mana lebih tinggi daripada harga asal kediaman penduduk Razak Mansion.

Selain itu, Kementerian Wilayah Persekutuan sedang mempertimbangkan cadangan untuk membangunkan semula kawasan perumahan **San Peng, Kuala Lumpur** yang melibatkan 4,147 unit gantian, 500 RUMAWIP dan 800 unit Transit. Walau bagaimana pun, cadangan ini masih di peringkat awal perbincangan.

Pada masa yang sama juga, Perbadanan PR1MA Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri juga akan melaksanakan projek PR1MA di Jalan Jubilee, Bukit Bintang. Berdasarkan semakan, projek ini menawarkan sebanyak 543 unit meliputi pelbagai saiz daripada 900 kaki persegi hingga 1,089 kaki persegi. Harga jualan bermula daripada RM275,000 seunit.

Kementerian Wilayah Persekutuan mengalu-alukan jika Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang dapat membantu mengenal pasti tapak-tapak yang bersesuaian di parlimen Bukit Bintang bagi dikaji kesesuaian pelaksanaan rumah mampu milik.